No. Fail: JPBD (IP) 185/16/1 Jld.3
No siri : 2/2015

**JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA**
**SEMENANJUNG MALAYSIA**

# ARAHAN PEJABAT
# BILANGAN 2 TAHUN 2015

# PERMOHONAN UNTUK MELAKUKAN PEKERJAAN LUAR BAGI JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA SEMENANJUNG MALAYSIA

f) *tidak jujur atau tidak amanah;*

g) *tidak bertanggungjawab;*

h) *membawa atau cuba membawa apa-apa bentuk pengaruh atau tekanan luar untuk menyokong atau memajukan apa-apa tuntutan berhubung dengan atau terhadap perkhidmatan awam, sama ada tuntutan itu ialah tuntutannya sendiri atau tuntutan mana-mana pegawai lain;*

i) *ingkar perintah atau berkelakuan dengan apa-apa cara yang boleh ditafsirkan dengan munasabah sebagai ingkar perintah; dan*

j) *cuai dalam melaksanakan tugas-tugasnya;*

4. Ketua Pengarah JPBD Semenanjung Malaysia juga akan memastikan pegawai berkenaan mematuhi **Peraturan 5(3) Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993,** iaitu-

   i. *Tidak dilakukan dalam waktu pejabat dan semasa pegawai itu dikehendaki melaksanakan tugas rasminya;*

   ii. *Tidak akan dengan apa-apa cara cenderung menjejaskan kebergunaan pegawai itu sebagai seorang pegawai perkhidmatan awam; dan*

   iii. *Tidak akan dengan apa-apa cara cenderung bercanggah dengan kepentingan perkhidmatan awam atau menjadi tidak selaras dengan kedudukan pegawai itu sebagai seorang pegawai perkhidmatan awam.*

5. Keperluan dalam mematuhi peraturan ini adalah bagi memastikan pekerjaan luar yang dilakukan oleh pegawai dan kakitangan Jabatan tidak akan menjejaskan kepentingan penyampaian perkhidmatan awam dan produktiviti pegawai berkenaan. Kegagalan pegawai dan kakitangan Jabatan dalam mendapatkan kebenaran bertulis daripada Ketua Pengarah JPBD Semenanjung Malaysia berkenaan pekerjaan luar adalah merupakan satu bentuk pelanggaran kepada peraturan di atas dan boleh dikenakan tindakan tatatertib.

## PELAKSANAAN PERATURAN

6. Pegawai dan kakitangan Jabatan yang ingin melakukan pekerjaan luar perlulah melengkapkan borang Permohonan Untuk Melakukan Pekerjaan Luar sebagaimana di Lampiran 1 dan Lampiran 2.

LAMPIRAN 1

**BORANG PERMOHONAN UNTUK MELAKUKAN PEKERJAAN LUAR**

**BAHAGIAN I : BUTIR-BUTIR PEMOHON**

1. Nama Penuh : ______________________

2. Nombor K/P : ______________________

3. (i) Gelaran Jawatan : ______________________
   (ii) Gred Jawatan : ______________________
   (iii) Taraf Perkhidmatan (tetap/percubaan/kontrak/sementara)
   ______________________

4. (i) Jabatan/Bahagian : ______________________
   (ii) Alamat Penuh Tempat Bertugas :
   ______________________
   ______________________
   ______________________
   ______________________

5. Tarikh Lantikan Dalam Perkhidmatan Kerajaan : ______________________

6. Tarikh Pengesahan Dalam Perkhidmatan : ______________________

7. Gaji Bulanan : ______________________

8. Elaun : ______________________

9. Nama Suami/Isteri : ______________________

10. Pekerjaan Suami/Isteri : ______________________

**BAHAGIAN II : KETERANGAN MENGENAI PEKERJAAN LUAR**

1) Pekerjaan : ______________________

2) Tempat Bekerja : ______________________

3) Masa Bekerja : ______________________

4) Kekerapan Dalam Seminggu : ______________________

5) Bayaran Yang Diterima Dalam Sebulan : ______________________

6) Sebab-sebab Memerlukan Pekerjaan Luar :
______________________